

RAJA KITA: DAHULU, KINI DAN SELAMANYA

Penulis: Mohd Nazrul Mohd Amin (Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM)
Datin Dr. Zahariah Sahudin (Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM)

Malaysia merupakan antara negara yang tertua di dunia. Ini kerana Malaysia masih mewarisi sistem pemerintahan beraja atau monarki. Sistem ini dahulunya diamalkan oleh lebih daripada 900 negara pada kurun ke-19 tetapi kini hanya tinggal lebih kurang 40 negara dan salah satu negara tersebut ialah Malaysia. Dalam sistem pentadbiran ini, Raja menjadi ketua bagi sesebuah negara tersebut. Ini bermakna Raja kita sendiri mempunyai cukup pengalaman dan bijaksana dalam mentadbir negara ini berbanding pentadbiran negara lain di dunia. Perkara 32 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan bahawa Ketua Utama Negara kita ialah Raja (yang membawa gelaran Yang di-Pertuan Agong) yang dipilih secara giliran dalam kalangan Raja-Raja negeri lain. Oleh yang demikian, bagi seseorang yang ingin kekal menjadi rakyat Malaysia, selain wajib mematuhi kesemua 183 perkara dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, mereka hendaklah taat dan setia kepada ketua negara iaitu Raja kita.

Menjadi ketua negara kepada 32.73 juta rakyat bukanlah satu tugas yang mudah. Terlalu berat amanah dan tanggungjawab yang harus digalas oleh Raja kita. Selain harus mengambil tahu segala hal ehwal yang terjadi dalam negara, Raja kita juga menjadi Ketua agama Islam, Pemerintah Tertinggi Angkatan tentera dan juga bertanggungjawab melindungi serta kepentingan hak semua kaum di Malaysia. Dengan terlalu banyak amanah dan tanggungjawab ini, tidakkah kita sebagai rakyat sedar bahawa seseorang pemimpin akan menghadapi mahkamah Allah di akhirat, sekiranya cuai dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya? Berdasarkan persoalan ini maka jelas sekali bahawa kita sebagai rakyat yang dipimpin harus sentiasa memberi kerjasama yang baik kepada Raja kita kerana Raja kita sanggup berkorban memikul amanah dan tanggungjawab ini demi kita rakyat Malaysia. Terima kasih, Tuanku!

Walau bagaimanapun, masih ada segelintir rakyat Malaysia yang masih tidak faham atau buat-buat tidak faham dengan konsep ini. Ini sangat mengecewakan sekali gus menimbulkan banyak persoalan dalam kalangan rakyat sendiri. Buktinya, baru-baru ini negara digemparkan dengan beberapa orang individu yang menghina, mengejek, mempersenda dan memperlekehkan Raja kita melalui hantaran di media sosial. Sekiranya mengikut logik akal, tiada sebab musabab yang mungkin ada bagi seseorang untuk melakukan perbuatan sedemikian kepada Raja kita yang telah berkorban untuk melindungi kita rakyat Malaysia. Mungkin, mereka ini ingin menasihati Raja kita tetapi tersalah adab. Sekiranya ini benar, Rasulullah SAW dalam hal ini pernah bersabda: "Barang siapa yang ingin menasihati Sultan (pemerintah), maka janganlah dilakukan secara terang-terangan (terbuka) tetapi hendaklah dia duduk berdua dengannya dan mendekatinya, maka sekiranya dia menerima nasihatnya itu, maka itulah (yang terbaik) tetapi sekiranya enggan maka dia telah melaksanakan tanggungjawabnya."

Kesimpulannya, kita telah ditakdirkan untuk dipimpin oleh Raja kita. Terlalu banyak amanah dan tanggungjawab yang Raja kita sedang jaga. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia harus menjadi rakyat yang baik dengan memberi sepenuh kasih sayang kepada Raja kita agar Raja kita akan sentiasa kekal dahulu, kini dan selamanya.